

## My God! Terpaksalah aku berhati-hati...."

"Lebih kurang 6 bulan setelah saya memegang jawatan Menteri Besar dalam tahun 1978, seorang sahabat datang menemui saya dan berkata iaitu jika saya luluskan 10 ribu ekar kawasan balak saya akan menerima satu suku juta ringgit. Cara tawaran itu dikemukakan seolah-olah wang itu adalah untuk diguna bagi faedah Parti dan jua untuk masa depan anak-anak saya.

"Semenjak itu saya telah menjauhkan diri dari sahabat tersebut dan jikalau saya menerima tawaran berkenaan ada kemungkinan wang itu diserahkan kepada saya dalam 'briefcase James Bond'.

"Saya difahamkan bahawa MB sebelum saya dahulu telah jua ditawarkan \$1 juta supaya ia membatalan perintah "curfew" dalam satu kawasan keselamatan untuk membolehkan satu syarikat mengeluarkan balak dari kawasan tersebut. Beliau jua menolak tawaran berkenaan.

"Di negeri ini sumber korupsi yang paling 'subur' ialah hutan, kerana tanah (baik) dan jua kawasan lombong adalah berkurangan di sini — kebanyakan tanah adalah dalam kawasan 'Reserve' Melayu.

"Isteri saya pernah jua ditawarkan 20 ribu ringgit oleh seorang wanita yang datang ke rumah saya dengan tujuan memujuk isteri saya supaya mempengaruhi saya mengeluarkan lesen kilang papan (sawmill) class A....." (Nota: Di ketika menolak tawaran berkenaan, penulis percaya Datin berkata: "Itu tanya suami s-a-y-a.....")

— Begitulah kata Datuk Mohamed bin Yacob, Menteri Besar Kelantan, seperti tersiar di muka 18 New Straits Times Julai 13, 1981 di halaman "Man Against Corruption". (MB sebelum beliau yang dimaksudkan oleh Datuk Mohamed Yacob itu ialah Datuk Mohamed Nasir). Nota: Diketika di interblu Datuk Mohamed Yacob berkata: "Saya tidak mahu saya digambarkan seolah-olah saya seorang sahaja yang jujur di sini dan orang lain kesemuanya tidak (jujur) belaka."

\*\*\*

### Komen Penulis:

Maklumat yang didedahkan secara ikhlas oleh MB Datuk Mohamed Yacob seperti dikisahkan tadi telah memperluaskan pengetahuan am penulis tentang kuasa, yakni, "p-o-w-e-r" yang berada di tangan Menteri Besar atau Ketua Menteri di negeri yang kaya dengan hutan balak, tanah baik ataupun lombong.... Kuasa yang boleh mengubah taraf

ekonomi seorang manusia dari penjual botol kosong, umpamanya, kepada jutawan dan dari peniaga biasa kepada jutawan berlipatganda.....

Oleh itu di masa hadapan, jikalau penulis (sebagai misalannya semata-mata) terdengar cerita atau desa-desus orang mengenai satu-satu "power struggle" di antara tokoh-tokoh politik di sesebuah negeri yang kaya dengan balak untuk merebut jawatan MB atau KM (sehingga bersedia menikam "lawan" dari belakang, ataupun menghabiskan masa dan tenaga untuk mengarang dan mengedar surat-surat layang dengan tujuan membunuh karier politik "lawan"), maka penulis tidaklah akan keahlanan sangat — memandangkan bahawa seseorang hamba Allah yang "kurang kuat iman" kalau diberi peluang berkhidmat sebagai MB atau KM (di setengah-setengah, negeri), boleh menjadikandirinya jutawan yakni "millionaire" dengan cuma mencatitkan 4 kali perkataan "Setuju" ke atas 4 permohonan tanah balak bagi kawasan yang luasnya 10,000 ekar bagi tiap-tiap satu permohonan. Dan jika kawasan dalam satu permohonan itu luasnya 40,000 ekar, maka beliau akan menjadi jutawan dengan mencatitkan "Setuju hanya sekali....."

Penulis percaya maklumat yang telah meluaskan pengetahuan am penulis itu tentu sekali akan jua membuka (seluas-luasnya) mata pemimpin-pemimpin atasan kita di peringkat kebangsaan, yang bermastautin di Kuala Lumpur, (khususnya pemimpin-pemimpin "baru", yakni Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam) dalam konteks, setelah membaca apa yang diperkatakan oleh MB Kelantan itu mereka akan membesarkan mata sambil berkata-kata di dalam hati, "My God, terpaksalah aku berhati-hati sebelum merestui satu-satu calon yang hendak dijadikan MB atau KM, kerana kalau aku 'tersilap restu' maka akan cepatah 'botak' hutan balak di negara ini dan secara serentak akan rosaklah pula imej dan maruah parti atas prinsip: 'kerana nila setitik habis rosak susu sebelanga'."

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia